

NO SOALAN: 120

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah kebaikan Panduan Perkhidmatan Teksi yang akan dikeluarkan kepada teksi tradisional yang berdaftar secara sah; dan
- (b) apakah panduan yang digunakan untuk merangka garis panduan bagi Panduan Perkhidmatan Teksi yang akan dikeluarkan serta senaraikan agensi-agensi atau jabatan yang terlibat dalam memberi pandangan untuk merangka garis panduan tersebut.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menghasilkan buku panduan SPAD *Industry code of Practise* (ICOP) Keselamatan khusus untuk Pengendali Teksi dan Teksi Mewah. Ia disediakan berdasarkan keperluan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 di bawah Seksyen 23 dan juga keperluan di bawah Seksyen 37 Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994.
2. Pelaksanaan SPAD ICOP-Keselamatan bagi pengendali tekси ini bertujuan untuk memastikan agar setiap pengendali pengangkutan awam darat mengutamakan keselamatan dan menjadikannya sebagai norma dalam industri pengangkutan awam. Keutamaan nombor satu. Selain itu, peraturan-peraturan keselamatan yang terdapat dalam buku panduan ini terkandung sebagai syarat lesen pengendali. Tindakan boleh diambil terhadap pengendali sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi. .
3. Antara elemen yang diterapkan dalam penghasilan Panduan Perkhidmatan Teksi adalah:
 - (i) Dasar yang berkaitan dengan perkhidmatan tekси;
 - (ii) Undang-undang;
 - (iii) Kod Etika;
 - (iv) Keselamatan penggunaan NGV;
 - (v) Penjagaan dan penyelenggaraan kenderaan; dan
 - (vi) Maklumat asas yang berguna dalam memberi perkhidmatan terhadap penumpang.

4. Segala asas rujukan dalam penghasilan panduan yang berkaitan mengambil kira semua pandangan dan maklumat yang dikongsi dan diperhalusi dengan agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Persatuan-persatuan Pemandu Teksi serta Syarikat-syarikat Pengendali Teksi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

RUJUKAN : 9091

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jumlah statistik bunuh diri golongan belia pada tahun 2012 sehingga 2016 dan bagaimanakah cara menangani masalah bunuh diri ini dengan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian membunuh diri atau cubaan untuk membunuh diri di kalangan penduduk negara ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya.

Statistik bunuh diri di seluruh Negara bagi tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	TAHUN					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
<u>JOHOR</u>	58	64	50	62	69	68
<u>KEDAH</u>	21	17	28	38	31	45
<u>KELANTAN</u>	9	8	10	13	11	11
<u>K/LUMPUR</u>	12	21	17	19	18	30
<u>MELAKA</u>	10	11	11	13	11	11
<u>N/SEMBILAN</u>	28	16	29	28	32	21
<u>PAHANG</u>	26	17	30	33	21	20
<u>PERAK</u>	81	66	92	65	69	58
<u>PERLIS</u>	2	2	3	3	3	2
<u>P/PINANG</u>	18	18	25	39	41	35
<u>SABAH</u>	3	3	14	17	20	25
<u>SARAWAK</u>	9	8	20	26	30	21
<u>SELANGOR</u>	89	101	76	94	81	76
<u>TERENGGANU</u>	4	7	7	6	5	5
JUMLAH	370	359	412	456	442	428

Antara langkah-langkah kesedaran untuk membendung masalah bunuh diri atau cuba membunuh diri seperti berikut:-

1. Bimbingan Kaunseling dan Perkhidmatan Psikoterapi.

Perkhidmatan psikoterapi merupakan sejenis rawatan gangguan bunuh diri melalui kaedah psikologi. Kaedah kaunseling mampu membantu individu yang bermasalah agar mengurangkan konflik hidup mereka. Perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi berperanan menyediakan ruang untuk mangsa meluahkan isi hati mereka. Pihak kaunselor akan memberikan nasihat bagi membantu individu tersebut menyelesaikan masalahnya. Dalam masa yang sama, kaunseling juga diberikan kepada keluarga mangsa bunuh diri supaya dapat mengurangkan tekanan terhadap mangsa. Dengan itu, jelaslah bahawa kaunseling dan perkhidmatan psikoterapi merupakan satu langkah yang penting dalam mengelakkan kes bunuh diri.

2. Pendidikan Agama atau Moral Juga Mampu Mengatasi Masalah Bunuh Diri.

Agama dipandang sebagai unsur penting untuk menanam ciri-ciri kemanusiaan yang mulia. Ibu bapa harus memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi

kerana “anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya”. Individu yang mempunyai asas nilai-nilai murni mampu menguasai nafsu mereka. Pendidikan moral dan agama boleh mengatasi masalah jiwa kosong dan memberikan kesedaran melawan nafsu yang keterlaluan. Dengan kesedaran tersebut, seseorang akan sentiasa bersyukur dengan kurniaan Tuhan. Pendidikan agama atau moral dapat mengurangkan tekanan bunuh diri.